

FAQ MYONLINE PASPORT

1. BAGAIMANA SAYA HENDAK MEMOHON PASPORT SECARA ONLINE?

- LAYARI PORTAL.
 - <https://imigresen-online.imi.gov.my/eservices/myPasport>

2. SIAPAKAH YANG BOLEH MEMOHON PASPORT SECARA ONLINE?

- WARGANEGARA MALAYSIA (13 TAHUN DAN KE ATAS)
- PEMOHON YANG PERNAH MEMILIKI PASPORT (PEMBAHARUAN SAHAJA)

3. SIAPAKAH YANG TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMOHON PASPORT SECARA ONLINE?



- KANAK-KANAK YANG BERUMUR KURANG DARI 13 TAHUN
- PELAJAR YANG BERUMUR 21 TAHUN KE BAWAH DAN MENERIMA TAWARAN PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DI LUAR NEGARA.
- BAKAL JEMAAH HAJI YANG MENERIMA TAWARAN HAJI DARI LEMBAGA TABUNG HAJI.
- ORANG KELAINAN UPAYA (OKU).
- ORANG YANG DISENARAI HITAM.

4. APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN PASPORT SECARA ONLINE?

- PASTIKAN MENGGUNAKAN PELAYAR YANG DISYORKAN OLEH JIM (INTERNET EXPLORER11+, ,GOOGLE CHROME, FIREFOX 30+, SAFARI 7+).
- PEMOHON DIKEHENDAKI MEMBACA SETIAP ARAHAN , TERMA DAN SYARAT SEBELUM MENERUSKAN PERMOHONAN.

5. SAYA HENDAK MEMASUKKAN GAMBAR, TETAPI GAGAL MUAT NAIK. APAKAH SPESIFIKASI YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMBOLEHKAN SAYA MEMUAT NAIK GAMBAR SECARA MUDAH ?

- SAIZ KUALITI FAIL GAMBAR TIDAK KURANG DARI 100KB DAN TIDAK MELEBIHI 300KB
- BOLEH RUJUK TUTORIAL MUAT NAIK GAMBAR DI LAMAN SESAWANG BERIKUT:
 - <https://youtu.be/p2zwLD-aJUY>



CLICK AND HOLD THE PICTURE TO ADJUST

- 6. PASPORT SAYA MASIH SAH LAKU, TETAPI TELAH HILANG. ADAKAH SAYA BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN PASPORT SECARA ONLINE ?**
- TIDAK BOLEH. ANDA HENDAKLAH MEMBUAT LAPORAN POLIS ATAS KEHILANGAN PASPORT BERKENAAN DAN HADIR KE PEJABAT IMIGRESEN NEGERI / PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA (BAGI KES KEHILANGAN DI LUAR NEGARA) UNTUK PROSES SELANJUTNYA.
- 7. PASPORT SAYA MASIH SAH LAKU, TETAPI TELAH ROSAK , SEPERTI (TERKENA AIR, KOYAK, TERDAPAT COP FANTASI YANG TIDAK DIBENARKAN, KESAN CONTENTG DLL), BOLEHKAH SAYA MEMBUAT PERMOHONAN PASPORT SECARA ONLINE?**
- TIDAK BOLEH. ANDA PERLU HADIR KE PEJABAT IMIGRESEN UNTUK PROSES SELANJUTNYA.
- 8. PASPORT SAYA TELAH TAMAT TEMPOH TETAPI TELAH HILANG, ADAKAH SAYA BOLEH MEMOHON PASPORT SECARA ONLINE?**
- TIDAK BOLEH DAN ANDA PERLU HADIR KE PEJABAT IMIGRESEN BERHAMPIRAN.
- 9. ADAKAH SAYA PERLU MEMBUAT LAPORAN POLIS ATAS PASPORT MALAYSIA ANTARABANGSA SAYA YANG TELAH HILANG DAN TAMAT TEMPOH ITU?**
- TIDAK PERLU. ANDA BOLEH HADIR TERUS KE PEJABAT IMIGRESEN YANG BERHAMPIRAN UNTUK PERMOHONAN PEMBAHARUAN PASPORT TERSEBUT.
- 10. ANAK SAYA TELAH MENERIMA TAWARAN PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DI LUAR NEGARA. MENGAPA ANAK SAYA TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMOHON PASPORT SECARA ONLINE?**
- ANAK TUAN/PUAN LAYAK UNTUK MENERIMA REBAT SEPARUH HARGA. BAGI MELAYAKKAN REBAT TERSEBUT, PEMOHON PERLU HADIR KE PEJABAT IMIGRESEN BERSAMA DENGAN DOKUMEN TAWARAN.
- 11. BOLEHKAH SAYA MEMBUAT PERMOHONAN PASPORT SECARA ONLINE SEKIRANYA PASPORT SAYA MASIH MEMPUNYAI SAH LAKU MELEBIHI 6 BULAN ?**
- YA, BOLEH. TIADA TEMPOH HAD SAH LAKU DIKENAKAN BAGI TUJUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN PASPORT.
- 12. BOLEHKAH SAYA MEMAKAI TANDA KEAGAMAAN?**
- TANDA KEAGAMAAN YANG DIBENARKAN:
 - i) MEMAKAI RANTAI KAHWIN
 - ii) POTTHU / SINDH'UR (BERSAIZ KECIL)
 - iii) PEMAKAIAN TURBAN (BAGI AGAMA SIKH)

- 13. BOLEHKAH SAYA MEMAKAI KACA MATA ATAU KANTA LEKAP ATAU AKSESORI PERHIASAN DIRI, SEMASA MUAT NAIK GAMBAR? (CONTOH:- ANTING-ANTING, TINDIK HIDUNG, RANTAI)**
- TIDAK BOLEH.
- 14. BOLEHKAH SAYA MENGAMBIL GAMBAR SECARA SWAFOTO (*SELFIE*) UNTUK DIMUAT NAIK KE DALAM PERMOHONAN PASPORT SECARA ONLINE?**
- TIDAK BOLEH, GAMBAR SWAFOTO (*SELFIE*) TIDAK DIBENARKAN KERANA GAMBAR ANDA AKAN MENJADI TERBALIK (FLIPPED PHOTO)
- 15. SEMASA MEMUNGUT PASPORT ATAU HADIR UNTUK IMBASAN CAP JARI, APAKAH DOKUMEN YANG PERLU SAYA BAWA BERSAMA?**
- PASPORT SEMASA
 - MYKAD
 - SIJIL LAHIR (SEKIRANYA BERUMUR 18 TAHUN KE BAWAH)
 - CETAKAN RESIT BAYARAN
- 16. BOLEHKAH ANAK SAYA YANG BERUMUR ANTARA 13 HINGGA 18 TAHUN HADIR SENDIRI UNTUK MEMUNGUT PASPORT?**
- TIDAK BOLEH, KANAK-KANAK BERUMUR ANTARA 13 HINGGA 18 TAHUN DIKEHENDAKI HADIR BERSAMA-SAMA IBU/BAPA/PENJAGA YANG SAH
- 17. SELEPAS SAYA BERJAYA MEMBUAT PERMOHONAN PASPORT SECARA ONLINE, BERAPA LAMA TEMPOH MASA UNTUK SAYA MEMBUAT PUNGUTAN PASPORT?**
- NOTIFIKASI KEPUTUSAN PERMOHONAN AKAN DIHANTAR MELALUI E-MEL DALAM MASA 3 HARI BEKERJA. JIKA TIADA, PEMOHON BOLEH TERUS HADIR KE PEJABAT PUNGUTAN YANG TELAH DIPILIH.
- 18. BAGAIMANA UNTUK LAKUKAN SEMAKAN STATUS PERMOHONAN SAYA?**
- TUAN/PUAN BOLEH LAKUKAN SEMAKAN STATUS PERMOHONAN PASPORT DI LAMAN SESAWANG BERIKUT:
 - <https://imigresen-online.imi.gov.my/eservices/myPasport?pertanyaanStatusPMA>
- 19. RESIT SAYA TELAH HILANG, BAGAIMANA UNTUK SAYA DAPATKAN SEMULA?**
- TUAN/PUAN BOLEH CETAK SEMULA RESIT BAYARAN DI LAMAN SESAWANG BERIKUT:
 - <https://imigresen-online.imi.gov.my/eservices/myPasport?pertanyaanStatusPMA>
- 20. SAYA TELAH LAKUKAN BAYARAN DAN TERDAPAT PENOLAKAN PADA AKAUN, TETAPI SISTEM PERMOHONAN MASIH MEMINTA UNTUK LAKUKAN BAYARAN. APA YANG PERLU SAYA LAKUKAN?**
- TUAN/PUAN BOLEH LAKUKAN SEMAKAN BAYARAN DAN CETAK RESIT BAYARAN DI LAMAN SESAWANG BERIKUT:
 - <https://imigresen-online.imi.gov.my/myimms/passport?semakPassport>

21. SAYA TELAH MEMBUAT PERMOHONAN DI PEJABAT SELANGOR, TETAPI TELAH DITANGGUHKAN KERANA MASALAH CAP JARI. BOLEHKAH SAYA MERUJUK KE PEJABAT LAIN UNTUK MENGAMBIL CAP JARI?

- BOLEH. TUAN/PUAN BOLEH HADIR SECARA *WALK-IN*.

22. SAYA TELAH MEMOHON PASPORT SECARA ONLINE DI LUAR NEGARA, TETAPI INGIN MEMBUAT PUNGUTAN DI MALAYSIA.

- TIDAK BOLEH.

23. SAYA TELAH MEMBUAT PERMOHONAN PASPORT SECARA ONLINE. SELEPAS PROSES BAYARAN DILAKUKAN, TERDAPAT NOTIFIKASI “REKOD CAP JARI BERMASALAH”. APA YANG HARUS SAYA LAKUKAN?

- TUAN/PUAN DIKEHENDAKI HADIR KE PEJABAT PUNGUTAN YANG TELAH DIPILIH.

24. BOLEHKAH SAYA MEWAKILKAN SESEORANG UNTUK MENGAMBIL PASPORT SAYA ?

- TIDAK BOLEH.

25. SAYA TELAH MENUKAR NAMA. BOLEHKAH SAYA MEMOHON PASPORT SECARA ONLINE?

- TIDAK BOLEH. ANDA PERLU HADIR KE KAUNTER IMIGRESEN BESERTA SURAT PENUKARAN NAMA DARIPADA JPN.

26. SAYA CUBA MEMOHON PEMBAHARUAN SECARA DALAM TALIAN, TETAPI TERDAPAT RALAT “PERMOHONAN BERMASALAH”. APA YANG PERLU SAYA LAKUKAN?

- TUAN/PUAN DIKEHENDAKI HADIR KE PEJABAT IMIGRESEN UNTUK MELAKUKAN SEMAKAN DAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN DI KAUNTER.